



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

DOKUMEN SEBUT HARGA

BAGI

KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN TAHUNAN SISTEM TELEFON (PABX) DI IBU PEJABAT, CALL CENTRE DAN PEJABAT CAWANGAN MBSJ BAGI TAHUN 2024 - 2025 UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA.

NO. SEBUT HARGA	MBSJ.KUB.400-5/6/441
TARIKH BUKA	07 MAC 2024
TARIKH TUTUP	20 MAC 2024
MASA TUTUP	12.00 TENGAHARI

**DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA,
USJ 5, PERSIARAN PERPADUAN,
47610 SUBANG JAYA,
SELANGOR D.E.
www.mbsj.gov.my**

NO. SEBUT HARGA : MBSJ.KUB.400-5/6/441

KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN TAHUNAN SISTEM TELEFON (PABX) DI IBU PEJABAT, CALL CENTRE DAN PEJABAT CAWANGAN MBSJ BAGI TAHUN 2024 - 2025 UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA.

	SENARAI KANDUNGAN	
BAHAGIAN	BUTIRAN	MUKA SURAT
A	SENARAI SEMAK DAN PERAKUAN PETENDER	SS1 – SS4
B	SURAT AKUAN PEMBIDA – LAMPIRAN 6	F1
C	ARAHAN KEPADA PETENDER	AKP 1 - 10
D	BORANG SEBUT HARGA DAN SYARAT-SYARAT MEMBUAT SEBUT HARGA	BS 1 – 7
E	<i>PREAMBLES</i>	P1
F	JADUAL KADAR HARGA	JKH/A/1/1 – JKH/F/1/1
G	PENENTUAN PERKHIDMATAN	PK 1 – PK 6
H	MAKLUMAT PETENDER	MP 1 - 12



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN A

SENARAI SEMAK DAN PERAKUAN PETENDER

SENARAI SEMAK DAN PERAKUAN PETENDER

PERKARA-PERKARA PENTING YANG PERLU DILENGKAPKAN / DILAMPIRKAN KE DALAM DOKUMEN TENDER DAN MAKLUMAT PETENDER.

- 1) Kami telah membaca dengan teliti dan memahami semua arahan yang terkandung di dalam Arahan Kepada Petender termasuk arahan yang menghendakkan kami mengemukakan maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen mengenai perkara seperti di dalam senarai semak bersama-sama dokumen tender/sebut harga kami semasa mengemukakan tender ini untuk membolehkan MBSJ menilai keupayaan kami untuk melaksanakan kerja yang ditawarkan semasa penilaian tender.
- 2) Kami faham dan mengambil maklum bahawa penilaian tender/sebut harga ini akan mengambil kira dan mementingkan keupayaan kami melaksanakan perkhidmatan yang ditawarkan. Justeru itu tender kami akan hanya dipertimbang untuk di perakukan kepada Lembaga Mesyuarat Tender/Jawatankuasa Sebut Harga di setuju terima sekiranya kami didapati berkeupayaan untuk melaksanakan projek yang ditawarkan, mengikut penilaian MBSJ berasaskan maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen yang kami kemukakan.
- 3) Kami juga mengambil maklum bahawa kami dikehendaki mengemukakan semua maklumat dan dokumen yang berkaitan bagi menyokong maklumat tertentu, sebelum tender/sebut harga ditutup. Maklumat dan dokumen yang dikemukakan kemudian daripada itu tidak akan di pertimbangkan didalam penilaian keupayaan kami.
- 4) Kami juga mengambil maklum bahawa penilaian ke atas **tender/sebut harga kami akan terjejas atau mungkin tidak dipertimbangkan** sekiranya maklumat-maklumat yang diberikan tidak diisi atau tidak mencukupi atau tiada dokumen sokongan yang lengkap.
- 5) Kami dengan ini mengaku bahawa segala maklumat dan data-data yang dinyatakan adalah betul dan benar belaka. Saya bersetuju MBSJ akan bertindak mengikut budibicaranya untuk mengetahui kedudukan sebenar. Sekiranya mana-mana maklumat didapati tidak benar, MBSJ berhak membatalkan tawaran ini ataupun menarik balik kontrak berkenaan kemudian.

SENARAI SEMAK DAN PERAKUAN PETENDER

(KERJA/BEKALAN/PERKHIDMATAN)

Sila tandakan / Bagi Dokumen-dokumen Yang Disertakan.

Sila tandakan x Bagi Dokumen-dokumen Yang Tidak Disertakan atau Tidak Berkaitan.

Bil	Perkara / Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Tender /Sebut Harga
1	Borang Sebut Harga lengkap diisi (termasuk nilai) dan ditandatangani. (Wajib)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2	Surat Akuan Pembida (Lampiran F) yang telah siap diisi dan ditandatangani. (Wajib).	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3	Salinan Borang 49 dan Borang 24 atau salinan Borang D atau Borang E. atau Salinan Borang Teras (Super Form) dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). (Wajib)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dan/atau Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputra dari Kementerian Kewangan Malaysia (MOF). (Wajib)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5	Borang A – Surat Pengakuan Kebenaran Maklumat Dan Keesahan Dokumen Yang Dikemukakan Oleh Petender lengkap diisi dan ditandatangani. (Wajib)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

Bil	Perkara / Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Tender /Sebut Harga
6	<p>Bagi membolehkan penilaian teknikal dilakukan, petender perlu mengemukakan bukti pemilikan/keempunyaan loji, jentera, peralatan dan lain-lain seperti:</p> <p>i)Kenderaan/jentera dengan menyertakan salinan Sijil Pemilikan Kenderaan/Sijil/Surat Pajakan</p> <p>ii) Peralatan kerja dengan menyertakan senarai peralatan beserta bilangan</p> <p>iii) Pengalaman kerja dengan menyertakan Surat Setuju Terima (SST) dan laporan penilaian prestasi oleh agensi terlibat.</p> <p>iv) Salinan sijil-sijil kursus/seminar/latihan berkaitan</p>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7	<p style="text-align: center;">Lain-lain (Sila nyatakan) :</p> <p>i) _____</p> <p>ii) _____</p> <p>iii) _____</p>	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>

<p>PENGESAHAN OLEH SYARIKAT</p> <p>Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam Dokumen Tender/Sebut Harga. Semua maklumat yang dikemukakan (jika ada) adalah benar</p> <p>Tandatangan :</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan :</p> <p>Tarikh :</p>	<p>UNTUK KEGUNAAN JABATAN</p> <p>Jawatankuasa Pembuka Tender/Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil.....</p> <p>Tandatangan :</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan :</p> <p>Tarikh :</p> <p>Tandatangan :</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan :</p> <p>Tarikh :</p>
--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

*Sila potong mana tidak berkenaan



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN B

SURAT AKUAN PEMBIDA - LAMPIRAN 6



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN C

ARAHAN KEPADA PETENDER



MAJLIS BANDRAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN D

BORANG SEBUT HARGA DAN SYARAT-SYARAT MEMBUAT SEBUT HARGA

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BORANG SEBUT HARGA

SEBUT HARGA BAGI : **KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN TAHUNAN SISTEM TELEFON (PABX) DI IBU PEJABAT, CALL CENTRE DAN PEJABAT CAWANGAN MBSJ BAGI TAHUN 2024 - 2025 UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

Mengikut Pelan-Pelan/Senarai Kawasan/Senarai Lokasi/Senarai Aset dan lain-lain yang diberi untuk menerangkannya.

Salinan-salinan Dokumen Meja Tawaran yang merangkumi Borang Kontrak, Pelan-Pelan/Senarai Kawasan/Senarai Lokasi/Senarai Aset dan lain-lain tersebut di atas, Spesifikasi dan Dokumen Tawaran yang lain boleh dilihat di tempat yang dinyatakan dalam Notis Sebut Harga dalam masa waktu pejabat pada mana-mana hari bekerja hingga tarikh akhir yang ditetapkan atau di dalam Sistem Tender *online* Selangor bagi penyerahan Sebut harga.

Kepada :

Datuk Bandar.

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA.

(pihak yang menerima Sebut Harga)

Tuan,

Di bawah dan tertakluk kepada Syarat-Syarat Membuat Sebut harga yang dilampirkan bersama ini, yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini membuat Sebut harga dan menawar untuk melaksana dan menjalankan Perkhidmatan dan peruntukan-peruntukan dan membekalkan semua buruh, bahan dan loji dan segala benda dari tiap-tiap jenis yang masing-masing disebut, ditunjuk, diperihal dan dimaksudkan dalam, atau yang hendaklah ditakrifkan daripada Dokumen Sebut harga, yang hendaklah dilaksana dan dibekalkan oleh pihak Kontraktor, bagi Perkhidmatan yang diperihalkan di atas, dengan menepati Dokumen Sebut harga tersebut bagi jumlah wang pukal yang disebutkan di bawah ini.

2. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju menjadi terikat oleh dan tunduk kepada Syarat-syarat Kontrak dan Senarai Kuantiti yang terletak harganya dan/atau Spesifikasi/Penentuan Perkhidmatan tersebut dan bersetuju bahawa jika Sebut harga ini disetujuterima, harga dan kadar harga dalam Senarai Kuantiti hendaklah diteliti dan diselaraskan oleh Pegawai Penguasa tentang kemunasabahnannya. Kadar harga yang terletak kadar harga tersebut, selepas diperbetulkan atau diselaraskan sebagaimana yang diperuntukan dalam Syarat-syarat Kontrak, hendaklah menjadi asas bagi

menilai perakuan bayaran sementara dan apa-apa perubahan yang mungkin diarahkan oleh Pegawai Penguasa dari semasa ke semasa.

3. Yang bertandatangan di bawah ini mengemukakan tawaran melaksanakan kerja-kerja ini dengan kadar tawaran diskaun sebanyak*% (.....) peratus daripada kadar harga sepertimana di dalam Jadual Kadar Harga di dalam dokumen sebut harga ini.

Nota: *.....Isikan kepada dua titik perpuluhan (Cth: 15.50)

4. Yang bertandatangan di bawah ini mengesahkan bahawa tawaran diskaun tersebut akan digunakan untuk kadar harga di dalam Jadual Kadar Harga bagi menghasilkan Jumlah Bayaran yang akan dibuat terhadap sesuatu pesanan/arahan yang dikeluarkan oleh Pegawai Penguasa.

5. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju bahawa nilai anggaran kerja keseluruhan perolehan ini adalah dijangka dalam lingkungan **RM 2,916.67** sebulan dan tertakluk kepada setiap arahan kerja yang dikeluarkan oleh Pegawai Penguasa di mana dan apabila perlu dijalankan.

6. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju bahawa Jumlah Harga Kumulatif bagi keseluruhan tempoh kontrak ini berkuatkuasa selama **dua (2) tahun** tertakluk kepada kelulusan Pihak Majlis seperti di para 3 di atas adalah sebanyak **RM 70,000.00 (Ringgit Malaysia: Tujuh Puluh Ribu Sahaja)** melainkan terdapat apa-apa arahan tambahan dari Pegawai Penguasa yang disifatkannya sesuai.

7. Bahawasanya adalah diketahui bahawa Majlis sentiasa berhak menyetujui atau menolak Sebut harga ini, sama ada ianya lebih rendah atau lebih tinggi daripada Sebut harga-sebut harga yang lain, atau sama tawaran harga diskaunnya. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju yang Sebut harga ini akan berterusan sah dan tidak akan ditarik balik dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh akhir yang ditetapkan bagi penyerahan Sebut harga dan bersetuju bahawa tiada apa-apa had, syarat atau janji lain akan dikenakan oleh kami selepas tarikh tersebut.

8. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju, jika Sebut harga ini disetujuterima, mendeposit, dengan seberapa segera yang praktik selepas penerimaan Surat Setuju Terima Sebut Harga tetapi sebelum bermulanya kerja, perkara-perkara berikut:

- (a) Polisi Takaful/Insurans Tanggungan Awam (iaitu insurans terhadap bencana kepada orang-orang dan kerosakan kepada harta) atau Nota Liputan berserta dengan resit bagi premium yang telah dibayar;
- (b) Polisi Takaful/Insurans Kerja atau Nota Liputan berserta dengan resit bagi premium yang telah dibayar;
- (c) Nombor pendaftaran di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO);
- (d) Petender akan menanggung kos Fi Dokumen Perjanjian sepertimana ditetapkan oleh pihak MBSJ. Sila rujuk jadual Fi di perkara 2.0.0 dalam **Arahan Kepada Petender.**

Yang bertandatangan di bawah ini selanjutnya bersetuju mendeposit Polisi-polisi Insurans yang berkenaan dalam tempoh tidak lewat daripada tiga puluh (30) hari selepas Nota Liputan diserahkan.

9. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju jika perkhidmatan gagal dimulakan dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh milik tapak, pengambilan kerja di bawah kontrak akan ditamatkan sejajar dengan Syarat-Syarat Kontrak.

10. Yang bertandatangan di bawah ini dengan ini juga bersetuju bahawa Borang Sebut harga ini berserta Surat Setuju terima Sebut harga (jika ada) hendaklah menjadi kontrak yang mengikat antara kita.

11. Yang bertandatangan di bawah ini mengesahkan, selepas menyemak sendiri, bahawa dokumen-dokumen dan pelan-pelan yang digunakan oleh yang bertandatangan di bawah ini untuk menyusun Sebut harga ini adalah salinan-salinan yang sebenarnya bagi dokumen-dokumen dan pelan-pelan yang dimasukkan dalam Dokumen Meja Tawaran.

12. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju bahawa:

- (a) jika Sebut harga ini ditarik balik sebelum tamatnya Tempoh Sah Sebut harga atau apa-apa tempoh lanjutan, atau
- (b) jika yang bertandatangan di bawah ini mengenakan apa-apa had, syarat atau janji tambahan kepada Sebut harga ini selepas tarikh akhir yang ditetapkan bagi penyerahan Sebut harga atau,
- (c) jika sekiranya Sebut harga telah disetujui terima, yang bertandatangan di bawah ini enggan dan tidak melaksanakan Perjanjian Kontrak yang formal sebagaimana dikehendaki oleh Syarat-Syarat Kontrak atau tidak meneruskan Perkhidmatan, maka, dalam mana-mana hal itu, tanpa menyentuh apa-apa hak lain yang ada padanya, Majlis sentiasa berhak mengambil tindakan tatatertib terhadap yang bertandatangan di bawah ini atau, pendaftaran yang bertandatangan di bawah ini sebagai kontraktor Majlis, sebagaimana difikirkan perlu oleh Majlis.

Bertarikh pada _____haribulan _____2024.

Tandatangan Petender

Tandatangan Saksi

Nama Penuh : _____

Nama Penuh _____

Atas Sifat : _____

Pekerjaan : _____

Alamat : _____

Yang diberikuasa dengan sepenuhnya
Untuk menandatangani Sebut Harga ini untuk
dan bagi pihak :

(Meteri atau Cop Petender)

SYARAT-SYARAT MEMBUAT SEBUT HARGA

1. Keseluruhan perkhidmatan yang dinyatakan dalam Dokumen Sebut harga yang ditunjukkan di atas Meja tawaran (kemudian dari ini disebut "Dokumen Meja Tawaran") akan diberi secara Kontrak.

2. (a) Tiap-tiap petender mestilah menyerahkan, dalam suatu sampul surat bertutup dan bermeterai yang dialamatkan sebagai mana ditetapkan dalam Notis Sebut harga, suatu sebut harga yang sah dalam Borang Sebut harga yang diperuntukkan, bersama dengan salinan Spesifikasi (jika ada diberikan) dengan sempurnanya dan Ringkasan Sebut harga yang diisi dan ditandatangani dengan sempurnanya. Borang Sebut harga yang tak lengkap atau tak bertandatangani akan ditolak.

(b) Tiap-tiap petender mestilah mencatatkan, dalam ruang yang diperuntukkan dalam Borang Sebut harga, masa yang akan dikehendakinya bagi menyiapkan perkhidmatan itu.

(c) Jadual kadar harga hendaklah ditulis dengan menggunakan dakwat hitam yang tidak mudah luntur dan kadar harga/kadar tawaran diskaun (%) daripada kadar harga yang telah ditetapkan didalam Jadual Kadar Harga yang ditulis oleh petender hendaklah sama dengan yang dinyatakan di dalam Borang Sebut Harga.

3. Jika mana-mana petender:

(a) menarik balik sebut harganya sebelum tamat Tempoh Sah Sebut harga atau apa-apa tempoh lanjutan, atau

(b) mengenakan had, syarat atau janji tambahan selepas tarikh akhir yang ditetapkan bagi penyerahan Sebut harga (dan dalam hal yang sedemikian ianya hendaklah disifatkan sebagai penarikan balik Sebut harga ini), atau

(c) jika sekiranya sebut harga telah disetujui terima, enggan dan tidak melaksanakan Perjanjian Kontrak yang formal atau tidak meneruskan Kerja;

maka, dalam mana-mana hal itu, Majlis hendaklah, tanpa menyentuh apa-apa hak lain yang ada padanya, sentiasa berhak mengambil tindakan tatatertib terhadap yang bertandatangani di bawah ini atau membatalkan pendaftaran petender sebagai kontraktor Majlis, sebagaimana difikirkan perlu oleh Majlis.

4. Tiada apa-apa perubahan atau tambahan yang tidak dibenarkan boleh dibuat kepada Borang Sebut harga atau mana-mana Dokumen Sebut harga yang lain.

5. (a) sebut harga-sebut harga dan dokumen-dokumen berhubung dengannya yang dinyatakan dalam Klausula 2 di atas, mestilah diserahkan di tempat dan pada atau sebelum masa yang ditetapkan dalam Notis Sebut harga bagi penyerahan Sebut harga.

- (b) Jika sesuatu sebut harga tidak diserahkan dengan tangan, petender mestilah menguruskan bagi sebut harganya dan dokumen-dokumennya yang lain dihantar dengan pos supaya sempat sampai di tempat yang ditetapkan tidak lewat dari masa yang ditetapkan.
- (c) Mana-mana sebut harga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari apa jua sebab, tidak akan dipertimbangkan.
- (d) Tiada apa-apa jua perbelanjaan yang ditanggung oleh petender bagi menyediakan sebut harganya boleh dibayar kepadanya.

6. Jika sekiranya atas permintaannya, seseorang petender diberikan salinan-salinan sesuatu Dokumen sebut harga, maka adalah menjadi tanggung jawabnya seorang diri untuk meneliti salinan-salinan itu dan memuaskan hatinya bahawa salinan-salinan itu adalah sebenarnya salinan-salinan dokumen yang termasuk dalam Dokumen Meja Tawaran. Jika sekiranya terdapat apa-apa perbezaan atau percanggahan antara mana-mana salinan yang diberi kepada petender dengan salinan dalam Dokumen Meja Tawaran atau antara mana-mana dokumen yang termasuk di dalamnya, maka adalah menjadi tanggungjawabnya seorang diri untuk memohon secara bertulis kepada Pegawai Penguasa supaya dibetulkan perbezaan atau percanggahan itu tidak lewat dari tujuh (7) hari sebelum tarikh akhir yang ditetapkan dalam Notis Sebut Harga bagi penyerahan sebut harga. Apa-apa jawapan yang hendak dibuat oleh Juukur Bahan atas permohonan itu hendaklah dibuat dengan cara Addendum Sebut harga yang hendaklah dihantar kepada semua petender. Addendum Sebut harga itu hendaklah menjadi sebahagian daripada Dokumen Sebut harga dan Sebut harga yang diterima akan disifatkan sebagai berdasarkan pada huraian, ubahsuaian atau perluasan kepada dokumen asal yang mengandunginya.

7. Petender hendaklah disifatkan telah memeriksa dan meneliti lokasi perkhidmatan dan sekitarnya dan telah berpuas hati sebelum menyerahkan Sebut harganya tentang jenis bumi dan lapisan tanah, bentuk dan jenis lokasi, takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan Kerja, cara-cara perhubungan dengan dan akses ke lokasi, tempat tinggal yang mungkin dikehendaki dan pada amnya hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luar jangka dan segala hal keadaan yang mempengaruhi dan menjejaskan Sebut harganya.

8. Sebut harga-sebut harga hendaklah terus sah selama tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh akhir bagi penyerahan Sebut harga sebagaimana yang ditetapkan dalam Notis Sebut harga (dalam Syarat-Syarat Membuat Sebut harga ini disebut "Tempoh Sah Sebut harga") dan tempoh ini boleh dengan persetujuan bersama dilanjutkan jika dan apabila perlu.

9. Majlis tidak boleh terikat menyetujui Sebut harga yang rendah sekali atau sesuatu Sebut harga dan juga tidak terikat untuk memberi apa-apa sebab atas penolakan sesuatu Sebut harga.

10. Petender yang berjaya (jika ada) hendaklah diberitahu tentang Sebut harganya dengan surat (disebut "Surat Setuju terima Sebut harga") dalam Tempoh Sah Sebut harga atau apa-apa tempoh lanjutan. Petender tersebut hendaklah dengan seberapa segera yang praktik tetapi sebelum bermulanya perkhidmatan menandatangani dengan Pegawai Penguasa, perkara-perkara berikut:

- (a) Polisi Takaful/Insurans Tanggungan Awam (iaitu insurans terhadap bencana kepada orang-orang atau kerosakan kepada harta) atau Nota Liputan berserta dengan resit bagi premium yang telah dibayar;
- (b) Polisi Takaful/Insurans Kerja atau Nota Liputan berserta dengan resit bagi premium yang telah dibayar;
- (c) Nombor pendaftaran di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO);

Petender tersebut hendaklah selanjutnya menandatangani Polisi-polisi Takaful/Insurans yang berkenaan dalam tempoh tidak lewat daripada tiga puluh (30) hari selepas Nota Liputan diserahkan.

11. Semua jadual butir-butir yang dilampirkan kepada Dokumen Sebut harga hendaklah diisi dan diserahkan oleh petender berserta dengan Sebut harganya.

12. Tiap-tiap notis yang hendak diberi kepada petender bolehlah diposkan ke alamatnya yang dinyatakan dalam Sebut harga itu dan pengeposan itu hendaklah disifatkan sebagai penyampaian yang sempurna akan notis itu.

13. Perkataan "petender yang berjaya" hendaklah bererti bahawa petender yang mana Sebut harganya telah diluluskan dan disetujui terima oleh Majlis.

14. Perkataan "petender" dalam Syarat-Syarat ini hendaklah disifatkan sebagai termasuk dua orang atau lebih.

15. Jika petender tidak mematuhi Syarat-Syarat tersebut di atas mengenai apa-apa jua hal maka Sebut harganya boleh ditolak.

16. Syarat-Syarat Membuat Sebut harga ini, setakat mana Syarat-Syarat itu mungkin menyentuh pelaksanaan Kontrak ini, hendaklah disifatkan menjadi sebahagian daripada Kontrak ini.



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN E

PREAMBLES



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN F

JADUAL KADAR HARGA



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN G

PENENTUAN PERKHIDMATAN



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN H

MAKLUMAT PETENDER